



## KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

### ERATKAN IKATAN PERPADUAN SEMPENA SYAWAL

Putrajaya, 12 Mei 2021 - Seperti tahun yang lepas, sambutan Syawal pada tahun ini berlangsung dalam suasana sederhana dan mengikuti amalan norma baharu di dalam usaha kita bersama memutuskan rantai COVID-19 di Malaysia. Ada juga sebahagian daripada kita yang tidak meraikan sambutan Syawal ini bersama keluarga dan saudara mara yang berada di berlainan negeri berikutan larangan merentas negeri semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikuatkuasakan.

2. Saya menyeru agar kita semua dapat terus mengekalkan semangat perpaduan dan kebersamaan semasa musim perayaan ini dan menggunakan pelbagai teknologi yang ada untuk kekal berhubung dan mengeratkan silaturrahim bersama keluarga, rakan taulan dan juga jiran-jiran. Amalan menjaga kebersihan diri dan persekitaran, memakai pelitup muka dan sentiasa memastikan penjarakan fizikal seharusnya juga menjadi amalan dan tabiat harian dan tidak diabaikan oleh kita semua.

3. Saya berdoa mudah-mudahan Syawal tahun ini dilimpahi keberkatan dan diraih dengan penuh kegembiraan yang dikongsi bersama. Selamat Hari Raya Aidilfitri , Maaf Zahir Batin kepada semua rakyat Malaysia.

**Menteri Perpaduan Negara**

12 Mei 2021

-TAMAT-



**Pertanyaan media:**

1. **Lee Hock Keong**, Setiausaha Akhbar  
Tel: 018 - 780 0079
2. **Norhayati Abd Manaf**, Ketua Unit Komunikasi Korporat  
Tel: 012 – 393 5075

Nombor Rujukan : UKK. 1009/1/8 (68)